

# Buletin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Rabiul Awwal 1446H/September 2024

# ACIS

## Meneladani Rasulullah SAW

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

# Kritikan Penyiaran: Konsep Semiotik Dalam Kupasan Sudut Pandang



Oleh:

**Shahril Anuar Abdul Ghalim**

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Apabila kita memperkatakan tentang hasil karya produk seni berteraskan audio visual, kita tidak dapat lari daripada perbincangan berkenaan mesej atau maksud asal yang cuba disampaikan. Setiap satu hasil seni itu sudah pasti mempunyai tujuan tertentu untuk difahami dan dimengertikan oleh khalayak sasaran. Tak kira ianya dalam bentuk filem, drama, iklan, dan lain-lain bentuk persembahan, penyampai mesej secara berkesan adalah objektif utama dalam penghasilannya. Pengarahan yang baik akan dapat menyampaikan mesej dengan cara yang unik dan kefahaman yang jelas. Persoalannya, bagaimanakah seseorang pengarah itu mampu untuk melakukannya? Apakah pendekatan yang boleh dilakukan dalam menghasilkan sudut pandangan yang pelbagai? Ini adalah antara persoalan yang harus diteliti jawapannya memandangkan pengarah mempunyai kekangan dari sudut masa yang diperuntukan. Bukan mudah untuk menyampaikan sesuatu mesej berlandaskan sudut pandangan khusus melalui jalan cerita yang dibatasi oleh masa.

Dalam penghasilan produk audio visual, kaedah semiotik adalah antara pendekatan yang boleh diambil bagi menghasilkan persepsi atau sudut pandangan khalayak tontonan dengan cara lebih berkesan dalam penyampaian sesuatu maksud. Idea atau jalan cerita memainkan peranan penting bagi pengarah untuk menjelmakan unsur semiotik dalam hasil produk visual. Secara dasarnya, pengarah harus tahu berkenaan perkembangan idea iaitu di awal permulaan, pertengahan dan pengakhiran bagi memudahkan penggunaan unsur semiotik iaitu bagaimana untuk menimbulkan kesan pemahaman yang lebih jelas darisegi makna yang ingin disampaikan. Semiotik akan memudahkan lagi penerimaan khalayak dengan sudut pandangan yang akan melengkapkan lagi kesan penyampaian mesej.

Secara umumnya, semiotik adalah kajian terhadap tanda (*sign*) atau gambaran yang membawa kepada sesuatu maksud. Kajian semiotik ini adalah berpandukan kepada sifat dan tingkahlaku manusia yang sentiasa didorong oleh kecenderungan untuk mentafsir sesuatu berdasarkan pendekatan sudut pandangan tersendiri bagi tujuan tertentu. Antara intipati yang penting dalam konsep ini adalah sesuatu tanda itu adalah bersifat objektif manakala

tafsiran maksud terhadapnya adalah bersifat subjektif.

Pentafsiran adalah bergantung kepada idea yang cuba dikupas mengikut penceritaan yang digarapkan. Dalam konsep ini, tanda (*sign*) adalah bersifat pelbagai seperti dalam bentuk visual (lakaran gambar, objek nyata, simbol), ataupun audio (dialog, bunyi, lagu) serta aksi (pergerakan, perlakuan).

Menurut Vande Berg, Wenner, & Gronbeck dalam buku bertajuk *Critical Approaches to Television*, konsep semiotik terdapat pelbagai kaedah pentafsiran dan antara yang popular ialah Tanda (*sign*), Penanda (*Signifier*) dan Petanda (*signified*). Secara asasnya ia bermaksud dengan menjelmakan suatu tanda iaitu perkara, ia boleh digambarkan dengan suatu keadaan iaitu unsur yang wujud dan membawa kepada sudut pandangan yang mempunyai pengertian luas melalui hubungan yang terhasil. Seperti contoh kereta mewah adalah tanda iaitu apa yang digambarkan. Penanda adalah gambaran cantik, bentuk dan jenama manakala petanda adalah status, karektor, kejayaan, kekayaan dan lain-lain yang bersifat abstrak pada sudut pandangan yang pelbagai. Inilah keindahan konsep semiotik dalam pembikinan hasil seni iaitu ia mempunyai pengertian yang luas dan saling hubungan antara apa yang digambarkan dengan makna yang terhasil melalui pemahaman bersandarkan sudut pandangan.

Kaedah semiotik ini amat luas digunakan Malaysia. Ini terjadi mungkin kerana masyarakat Melayu yang sememangnya kaya dengan budaya dan adat resam. Terdapat banyak tanda (*sign*) yang mampu diterjemahkan dalam karya seni yang sememangnya mencerminkan kepelbagaian tafsiran. Ini jelas dalam karya-karya puisi teks yang mendasari masyarakat Melayu itu sendiri. Bahasa kiasan, sindiran, simbolik dan banyak lagi jika kita teliti memungkinkan penggunaannya secara berkesan dalam karya seni audio visual.

Sebagai contoh, kaedah semiotik yang banyak digunakan adalah untuk memberi gambaran awal secara halus berkenaan sesuatu perkara yang bakal atau telah terjadi. Bagi menjelaskan peranan semiotik dalam penceritaan, penulis menggunakan situasi babak secara naratif sebagai contoh bagi tujuan pemahaman seperti dibawah.

"Kelihatan si isteri berzikir menggunakan tasbih yang selalu digunakan setelah selesai menunaikan solat. Alunan suara yang lembut seperti berbisik jelas memperlihatkan ketenangan suasana.

Pergerakan jari yang lancar seakan-akan berirama. Tiba-tiba manik-manik tasbih yang bersambungan terlerai bertaburan di atas sejadah. Tali pengikatnya putus tanpa disedari...."

Bersandarkan dengan babak tersebut, tasbih dikategorikan sebagai tanda (*sign*), penanda (*signifier*) pula adalah jenis, bentuk dan penggunaannya sehingga terjadinya keadaan tasbih yang berselerakan ekoran terputusnya tali pengikat dan petanda (*signified*) pula adalah kemungkinan yang telah/bakal berlaku yang dirasakan ada persamaan makna kejadian berlandaskan jalan cerita yang digarap. Sudut pandangan atau persepsi adalah bergantung kepada hubungan yang terjalin melalui cerita dan ianya boleh hadir dalam pelbagai tafsiran.

Dengan bahasa mudah, tasbih adalah kegunaan untuk berzikir. Gambaran struktur bentuk dan gaya penggunaan adalah pelbagai tetapi asasnya adalah sama iaitu seutas tali yang menjadi pengikat manik. Dan apa yang cuba disampaikan berdasarkan apa yang terjadi pada tasbih tersebut adalah yang menentukan maksud/sudut pandangan berlandaskan jalan cerita dan mesej yang hendak dirungkai. Seperti contoh sudut pandangan bahawa tasbih yang terputus diibaratkan keluarga wanita tersebut ditimpa musibah atau kehilangan seseorang yang penting seperti suami/ayah yang menjadi tempat bergantung si isteri dan anak-anaknya. Ia juga boleh ditafsirkan dengan perkara yang lain berdasarkan jalan cerita yang hendak disampaikan samada mesej ketuhanan, kekeluargaan, masyarakat mahupun perlambangan alam sekeliling.

Kesimpulannya, penggunaan unsur semiotik membantu untuk pengembangan cerita melalui jangkaan pengalaman dan kaedah berkesan bagi membentuk/menyokong mesej yang hendak disampaikan. Ia mampu membuat penonton berfikir berkenaan kaitan babak yang ditonjolkan dengan cerita yang disampaikan. Melaluinya juga, penonton mampu untuk membuat andaian awalan apa yang bakal terjadi tanpa penghuraian yang panjang. Dan sekiranya digunakan dengan perancangan yang teliti, ianya bakal membawakan suatu pembawakan yang berkesan bukan sahaja darisegi penyampaian makna bahkan keindahan hasil seni itu sendiri.

**Rujukan:**

Vande Berg, Wennar & Gronbeck (2004), *Critical Approaches to Television* (2nd edition), Houghton Mifflin College, Boston. 67-84.